

29/09/1998

Francais mampu bersaing

KEPERLUAN untuk membuat bayaran yang sesetengahnya sangat besar bagi mendapatkan hak ke atas jenama produk dan untuk mendapat pakej yang disediakan oleh francaisor adalah antara faktor penghalang kepada francaisi.

Setiausaha Rendah Bahagian francais dan vendor Kementerian Pembangunan Usahawan, Kamaluddin Yusoff, berkata walaupun francaisi adalah entiti perniagaan bebas, ia tertakluk kepada peraturan dan kaedah operasi perniagaan yang ditetapkan oleh francaisor.

"Francaisi juga perlu berhati-hati di dalam memilih francaisor untuk mengelakkan daripada tertipu. Ini adalah antara halangan yang harus ditempohi oleh francaisi di dalam perniagaan secara francais," katanya.

Beliau berkata demikian dalam kertas kerja bertajuk "program pembangunan francais: membentuk budaya baru keusahawanan" pada Persidangan dan Pameran Francais Malaysia' 98 di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Definasi sistem francais ialah satu bentuk pemasaran di mana sebuah syarikat induk secara lazimnya memberi kebenaran, hak atau keistimewaan kepada individu atau syarikat yang secara relatifnya kecil untuk menjalankan perniagaan.

Perniagaan itu adalah mengikut tatacara yang ditentukan untuk satu jangka masa tertentu dan pada satu tempat yang ditentukan dalam proses mengedarkan barang atau perkhidmatan yang sedia wujud.

Kamaluddin berkata, sehingga kini 62 syarikat sudah dilantik sebagai francaisor di bawah program pembangunan francais kementerian itu manakala jumlah francaisi pula 382.

Katanya, kerajaan menjadikan program pembangunan francais sebagai satu program untuk membangun dan menambah bilangan usahawan terutama usahawan Bumiputera dalam bidang perniagaan.

Melalui program itu diharap akan melahirkan lebih ramai golongan menengah Bumiputera.

Kerajaan ada menyediakan insentif kepada francaisor dan francaisi induk dalam bentuk pemberian geran tertakluk kepada had maksimum RM100,000 untuk mereka membangunkan perniagaan dan kemudiannya difrancaiskan.

"Sekiranya bakal usahawan telah memenuhi syarat seperti mempunyai lokasi perniagaan dan mempunyai modal minimum kira-kira 30 peratus daripada kos projek, maka pihak kementerian akan memperakukan permohonan mereka kepada pihak francaisor untuk pertimbangan pelantikan," katanya.

Ketika merasmikan persidangan itu kelmarin, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad antara lain berkata pergerakan francais di Malaysia sudah diterima dan sedang berkembang pesat.

Dr Mahathir berkata perniagaan francais adalah salah satu alat kerajaan dalam usaha mengimbangi kedudukan ekonomi kaum di Malaysia dan ianya akan turut membantu proses pemulihan ekonomi negara.

(END)